

04 FEB 2001

Khalil-Media

JAWATANKUASA BERSAMA DUA KEMENTERIAN PERJELAS KEDUDUKAN DALAM NEGARA

KUANTAN, 4 Feb (Bernama) -- Sebuah jawatankuasa bersama membabitkan Kementerian Penerangan dan Kementerian Luar akan ditubuhkan bagi memberikan penjelasan mengenai kedudukan sebenar dalam negara, kata Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, hari ini.

Beliau berkata penjelasan itu perlu, lebih-lebih lagi bagi menangani perbuatan sengaja menyalahlaporkan fakta-fakta berkaitan kedudukan dalam negara oleh media asing.

"Saya dan Datuk Seri Syed Hamid Albar (Menteri Luar) bersetuju supaya kedua-dua kementerian ini menubuhkan jawatankuasa bersama bagi membincangkan hal ini kerana kita ingin menumpukan kepada perkara-perkara yang sengaja disalahlaporkan itu," katanya kepada pemberita selepas majlis jamuan sempena Tahun Baru Cina anjuran Jawatankuasa Perundingan Kaum Cina Kuantan, di sini.

Khalil berkata mesyuarat pertama jawatankuasa itu akan diadakan minggu depan, yang antara lain untuk mengenal pasti langkah-langkah yang perlu diambil berikutan laporan negatif media asing itu.

Beliau mengulas majalah "Asiaweek" yang dalam keluarannya pada 26 Jan lepas cuba menggambarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seolah-olah seorang yang penat dan bodoh.

Khalil berkata Setiausaha Kerja Umno Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor telah menghantar surat kepada Asiaweek bagi mendapatkan penjelasan berhubung perkara itu.

"Kita bersetuju membentuk jawatankuasa bersama ini sebelum timbulnya isu Asiaweek kerana beberapa majalah lain juga melakukan penyelewengan fakta yang serupa tanpa mengetahui kedudukan sebenar dalam negara," katanya.

Beliau bersimpati dengan Perdana Menteri, yang sentiasa bersedia bertemu wakil-wakil media asing untuk memberikan sendiri penjelasan berkaitan beberapa perkara.

"Tetapi dalam beberapa hal, apa yang dikeluarkan oleh media itu berlainan daripada hakikat...saya nampak ini merupakan satu gejala yang disengajakan," katanya.

Khalil berkata tindakan media asing itu menggambarkan mereka seolah-olah mempunyai pendapat yang dibuat terlebih dahulu dan melihat keadaan di negara ini secara lebih iri hati.

-- BERNAMA

ROS NAK